

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF DATUK DR. SHAHRIN SAHIB
NAIB CANSELOR**

**PROGRAM MOTIVASI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DUN DURIAN
TUNGGAL
(XPLORASI ROBOT)**

05 MAC 2016 (SABTU), 3.55 PETANG

Terima kasih kepada Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Yang Berhormat Datuk Hj. Md Rawi bin Mahmud

Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka

Yang Berhormat Datuk Ab Wahab bin Ab Latip

Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka Kawasan Durian Tunggal

YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor

Y.Berusaha Prof Madya Mohd Rahimi bin Yusoff
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Y.Berusaha Dr. Norfariza Binti Ab Wahab
Pengarah Program Xplorasi Robot

Pegawai-pegawai Kanan Universiti, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah segala pujian bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada petang yang indah ini, kita dapat dipertemukan dalam **Majlis Penutup Program Motivasi Peringkat Sekolah Rendah Xplorasi Robot.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hj. Md Rawi bin Mahmud, Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke majlis penutup program ini. Saya yakin dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk pada petang ini, akan memberi galakan dan menjadi pembakar semangat kepada anak-anak

yang ada pada hari ini, untuk terus berjaya dalam hidup mereka di masa hadapan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Pada masa kini, kita dapati tidak ramai anak-anak muda khususnya para pelajar yang mempunyai pemikiran yang kreatif dan inovatif kerana kebanyakan mereka hanya memberi tumpuan ke arah akademik semata-mata. Perkara ini perlulah diatasi dengan sebaik yang mungkin, dengan memupuk dan meningkatkan lagi minat serta kecenderungan mereka khususnya di dalam bidang sains dan teknologi bagi menghindari negara kita daripada menghadapi ketandusan insan mahir dan tenaga pakar bagi membantu pembangunan negara di masa akan datang.
4. Menyedari pemasalahan ini, UTeM sebagai sebuah universiti teknikal telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu program yang begitu menarik iaitu Program Motivasi Peringkat Sekolah Rendah

Xplorasi Robot. Program yang julung kalinya dianjurkan oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan menerusi Faculty of Engineering Technology Student Association (FETSA) dengan kerjasama Jawatankuasa Promosi dan Khidmat Komuniti, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM, memberi fokus kepada para pelajar sekolah rendah DUN Durian Tunggal.

5. Alhamdulillah, program seharian yang dianjurkan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan, dengan penyertaan seramai 120 orang pelajar dari 7 buah sekolah yang berada di kawasan Durian Tunggal.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. UTeM sentiasa memberi sokongan penuh terhadap penganjuran program-program seperti ini khususnya yang dianjurkan oleh fakulti, kerana menerusi program sebegini, ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ada pada warga fakulti dapat disalurkan dan dikongsikan kepada

masyarakat luar. Disinilah, proses penyebaran dan perkembangan ilmu akan berlaku.

7. Dalam konteks penganjuran program pada hari ini, saya amat yakin para peserta mendapat pendedahan yang berguna untuk diaplikasikan dalam pembelajaran dan kehidupan mereka. Ini secara tidak langsung akan memberikan motivasi dan memupuk semangat murid-murid tentang kepentingan memahami dan mendalami ilmu sains dan teknologi serta penerapan elemen kerohanian insaniah di dalam diri masing-masing.
8. Lebih dari itu, program ini turut menyokong pendekatan pendidikan yang berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM. Pendekatan ini ternyata memberi pengalaman pembelajaran yang lebih menarik, interaktif dan para pelajar ternyata lebih mudah memahami dan menerima ilmu yang disampaikan.

9. Selain itu, saya yakin warga Fakultas yang terdiri daripada para pelajar dan staf telah mendapat kebaikan dan pendedahan tentang kaedah perancangan, pelaksanaan dan pengurusan yang betul bagi memastikan program yang dirancang ini berjalan lancar seperti yang diharapkan. Saya menasihati para pelajar agar dapat mengekalkan semangat kesukarelawanan ini di dalam diri masing-masing kerana ia akan menyumbang kepada pencapaian anda dalam sistem *Integrated Cumulative Grade Point Average* atau iCGPA yang akan dilaksanakan oleh universiti ini pada semester yang akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Program Xplorasi Robot ini juga merupakan sebahagian dari tanggungjawab sosial universiti yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Ternyata, hubungan antara warga UTeM khususnya FTK dengan komuniti setempat dapat dieratkan dengan lebih baik, dan masyarakat mendapat manfaat dari penganjuran program ini.

Inilah yang dihasratkan oleh UTeM sejak dari awal penubuhannya iaitu untuk mengembalikan apa yang dimiliki kepada masyarakat demi pembangunan dan kebaikan bersama.

11. Besarlah harapan saya agar warga Fakulti dapat menganjurkan lebih banyak program seperti ini sekaligus dapat menghasilkan lebih ramai generasi muda yang mempunyai pemikiran kreatif untuk disumbangkan dalam pembangunan negeri dan negara ini di masa hadapan. Insya Allah.
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hj. Md Rawi bin Mahmud dan Yang Berhormat Datuk Ab Wahab bin Ab Latip di atas kesudian hadir pada petang ini. Tidak dilupakan, sekalung tahniah kepada semua warga FTK yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Terbang tinggi si rama-rama,
Hinggap sebentar di ranting rambutan,
Pengisian program di manfaat bersama,
Membina generasi kreatif dan keterampilan.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.*

Terima kasih.